

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2009

**DASAR KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI YANG SEDANG
DISIASAT DAN TELAH DIKENAKAN HUKUMAN TATATERTIB**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi pegawai yang sedang disiasat dan juga telah dikenakan hukuman tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau Peraturan-Peraturan Tatatertib yang sedang berkuat kuasa.

LATAR BELAKANG

2. Sifat-sifat peribadi terutamanya keutuhan pegawai merupakan salah satu daripada kriteria yang perlu diambil kira sebelum pegawai dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat seperti yang ditetapkan dalam Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Oleh itu, sebelum pegawai dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat hendaklah dipastikan pegawai tersebut bebas dari hukuman tatatertib.

3. Urusan kenaikan pangkat yang lebih kerap dilaksanakan pada masa ini memerlukan semakan semula dibuat ke atas tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib.

PERATURAN BARU

4. Pegawai dalam keadaan berikut boleh dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat:

- (a) Pegawai yang ditohmah tetapi tidak dapat dibuktikan; atau
- (b) Pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib.

5. Bagi pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib, kes pegawai hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

6. Pegawai yang **telah dikenakan hukuman tatatertib**, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Hukuman	Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tanggung Pergerakan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

7. Tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ialah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan. Sekiranya terdapat rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib, tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib.

8. Bagi pegawai yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib dalam satu pertuduhan tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah berdasarkan **tempoh hukuman yang lebih berat**. Contoh kes; pegawai dikenakan hukuman tatatertib **amaran** dan **denda** bagi satu pertuduhan yang sama, tempoh tidak layak dinaikkan pangkat adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat iaitu **tempoh 18 bulan bagi hukuman denda** (seperti di **Lampiran A**).

9. Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib dan kemudian menerima hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib yang lain dalam tempoh hukuman yang lain masih berjalan, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mengikut **tempoh keseluruhan hukuman berakhir**. Contoh kes; pegawai dikenakan hukuman tatatertib **amaran** bagi kes pertama dan kemudiannya dikenakan hukuman tatatertib **turun gaji** bagi kes kedua, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mengikut **tempoh keseluruhan hukuman berakhir** (seperti di **Lampiran B**).

10. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah terpakai untuk urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986 [P.U.(A) 151] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974 [P.U.(A) 89] atau Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat yang sedang berkuat kuasa.

11. Kaedah Pekeliling Perkhidmatan ini juga terpakai bagi urusan pemangkuan.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1990 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1995 adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA
08

Mei 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**Contoh Kes Pegawai Yang Dikenakan Lebih Daripada Satu Hukuman
Tatatertib Dalam Satu Pertuduhan Tatatertib**

Pegawai dikenakan hukuman tatatertib **amaran** dan **denda** bagi satu pertuduhan yang sama, tempoh tidak layak dinaikkan pangkat adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat iaitu **tempoh 18 bulan**.

Hukuman Amaran	Hukuman Denda
Tarikh hukuman dijatuhkan : 12 Januari 2009	Tarikh hukuman dijatuhkan : 12 Januari 2009
Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 12 bulan	Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 18 bulan
Tarikh berakhir tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 11 Januari 2010	Tarikh berakhir tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 11 Julai 2010
Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : Hukuman denda iaitu 18 bulan dan akan berakhir pada 11 Julai 2010 .	

Contoh Kes Pegawai Yang Dikenakan Hukuman Tatatertib Dalam Satu Kes Tatatertib Dan Kemudian Menerima Hukuman Tatatertib Dalam Satu Kes Tatatertib Yang Lain Dalam Tempoh Hukuman Yang Lain Masih Berjalan

Pegawai dikenakan hukuman tatatertib **amaran** bagi kes pertama dan kemudiannya dikenakan hukuman tatatertib **turun gaji** bagi kes kedua, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mengikut **tempoh keseluruhan hukuman berakhir**.

Kes Tatatertib Pertama : Hukuman Amaran	Kes Tatatertib Kedua : Hukuman Turun Gaji
Tarikh hukuman dijatuhkan : 20 Januari 2009	Tarikh hukuman dijatuhkan : 4 Februari 2009
Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 12 bulan	Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 36 bulan
Tarikh berakhir tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 19 Januari 2010	Tarikh berakhir tempoh tidak layak dinaikkan pangkat : 3 Februari 2012
Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat mulai 20 Januari 2009 dan akan berakhir pada 3 Februari 2012 .	

